




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

08 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 199 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 242,346 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Ranau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 159 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 235,010 orang. Manakala 766 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 416 orang di hospital, 347 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, dua (2) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 29 orang merangkumi 25 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 14 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 26 (26.53%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tujuh (7) daerah.
- Zon Jingga empat (4) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian berkurangan sebanyak 43 kes hari ini berbanding kelmarin. Jumlah kes baharu ialah 199 kes.
- b. Kes-kes baharu di Daerah Kota Kinabalu naik lebih dua (2) kali ganda, daripada 25 kes semalam kepada 60 kes hari ini. Tetapi adalah diperhatikan kecuali satu (1) kes, 59 kes yang lain merupakan kes-kes daftar lewat dua (2) hari atau lebih. Ranau yang hampir setiap hari tersenarai di kalangan empat (4) daerah penyumbang tertinggi kes baharu COVID-19 di Sabah hanya merekodkan empat (4) kes baharu hari ini berbanding 20 kes semalam. Jumlah kes baharu di Tuaran juga susut 16 kes.
- c. Seramai 195 atau 98% daripada 199 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Pesakit-pesakit Kategori 1 tidak menunjukkan sebarang gejala jangkitan dan mereka dalam Kategori 2 hanya mengalami gejala-gejala ringan. Terdapat dua (2) kes masing-masing dalam Kategori 3 dan Kategori 4.
- d. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (87) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	88	44.22%
3	Kontak	87	43.72%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	24	12.06%
JUMLAH		199	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (7 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 7/01/2022	Catatan Kes 8/01/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	25	60	+35
2	Keningau	12	15	+3
3	Tenom	6	8	+2
4	Tongod	1	3	+2
5	Kunak	0	2	+2
6	Nabawan	5	6	+1
7	Sipitang	4	5	+1
8	Putatan	2	3	+1
9	Kinabatangan	0	1	+1
10	Tawau	5	5	Mendatar
11	Sandakan	5	5	Mendatar
12	Tuaran	35	19	-16
13	Ranau	20	4	-16
14	Papar	23	8	-15
15	Penampang	18	11	-7
16	Kota Marudu	10	4	-6
17	Lahad Datu	8	3	-5
18	Tambunan	8	3	-5
19	Kota Belud	19	15	-4
20	Telupid	4	0	-4
21	Kuala Penyu	7	4	-3
22	Beaufort	11	9	-2
23	Beluran	7	5	-2
24	Kudat	3	1	-2
25	Pitas	2	0	-2
26	Kalabakan	1	0	-1
27	Semporna	1	0	-1
JUMLAH		242	199	-43

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 15 Hari (25 Disember – 7 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	28	26	0	6	60	471
Tuaran	0	14	3	0	2	19	346
Kota Belud	0	8	7	0	0	15	253
Keningau	0	4	10	0	1	15	142
Penampang	0	7	4	0	0	11	261
Beaufort	0	3	6	0	0	9	122
Papar	0	4	2	0	2	8	138
Tenom	0	4	4	0	0	8	60
Nabawan	0	4	2	0	0	6	26
Beluran	0	3	2	0	0	5	32
Tawau	0	0	3	0	2	5	52
Sandakan	0	0	3	0	2	5	52
Sipitang	0	2	2	0	1	5	58
Ranau	0	0	3	0	1	4	207
Kota Marudu	0	3	1	0	0	4	98
Kuala Penyu	0	2	1	0	1	4	70
Tambunan	0	0	2	0	1	3	79
Lahad Datu	0	0	0	0	3	3	28
Putatan	0	1	2	0	0	3	115
Tongod	0	0	2	0	1	3	16
Kunak	0	0	2	0	0	2	6
Kudat	0	0	1	0	0	1	30
Kinabatangan	0	0	0	0	1	1	15
Telupid	0	0	0	0	0	0	19
Pitas	0	0	0	0	0	0	12
Semporna	0	0	0	0	0	0	6
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	5
JUMLAH	0	87	88	0	24	199	2,719

6 Tiada kluster baharu direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,097 unit

- Hospital 1,250 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,657 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 18.70%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 08 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	190
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	3
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	6
Jumlah	199

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	2
Emiriah Arab Bersatu	1
Jumlah	3

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	192
Bukan Malaysia	7
Jumlah	199

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	31
Belum Menerima Vaksin	19
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	132
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	17
Jumlah	199

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	1
1 to 5	13
6 to 11	17
12 to 17	11
18 to 25	18
26 to 59	117
>60	22
Jumlah	199

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 07 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 10,913 orang. Daripada jumlah ini, seramai 10,696 orang adalah penduduk dewasa dan 217 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 07 Januari 2022 adalah seramai 2,450,483 orang. Ini meliputi 2,113,894 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.63% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,405,643 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,093,781 orang atau 75.91% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,589 orang atau 77.56% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 311,862 atau 71.86% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **679,920** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 6,486 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 39 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak sembilan (9) kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
 - Empat (4) Orang : Gagal Mendaftar Mauk Premis.
 - Empat (4) Orang : Pemilik Premis Gagal Sediakan QR Kod Dan Buku Pendaftaran.
 - Satu (1) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 160 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 30 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,282 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak empat (4) notis dikeluarkan oleh Majlis Daerah Penampang. Sebanyak lapan (8) kompaun dikeluarkan di Daerah Penampang. Tiga (3) kompaun kepada orang awam atas kesalahan gagal mematuhi penjarakan fizikal, satu (1) kompaun kepada pemilik premis atas kesalahan gagal mematuhi masa operasi yang dibenarkan, empat (4) kompaun dikeluarkan kepada orang awam atas kesalahan gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau buku daftar masuk.

- ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 639 premis perniagaan dan 17, 457 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Robert T 1994 Optical, Centre Point. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pekerja gagal mendaftar masuk menggunakan aplikasi MySejahtera / Buku Pendaftaran di Nasi Kukus D'Garden.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 247 Premis Perniagaan melibatkan 148 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan enam (6) buah BBP pada hari ini.

- 7 Sejumlah 50 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.

- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 59 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.2 %**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.3%
2	Beluran	98.3%
3	Tenom	98.3%
4	Kota Marudu	98.3%
5	Keningau	98.3%
6	Beaufort	98.2%
7	Kudat	98.2%
8	Sipitang	98.2%
9	Kota Belud	98.2%
10	Tuaran	98.2%
11	Kinabatangan	98.1%
12	Semporna	98.1%
13	Lahad Datu	98.1%
14	Ranau	98.1%
15	Kota Kinabalu	98%
16	Papar	98%
17	Sandakan	98%
18	Penampang	98%
19	Tawau	98%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**